



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 601

AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU 2000

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR
LITAR BERSEPADU 2000**

Tarikh perkenan Diraja 30 Mei 2000

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 15 Jun 2000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 601

AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU 2000

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Penetapan negara yang layak

BAHAGIAN II

PERLINDUNGAN REKA BENTUK SUSUN ATUR

5. Reka bentuk susun atur terlindung
6. Orang yang layak mendapat perlindungan
7. Pemegang hak reka bentuk susun atur
8. Tempoh perlindungan

BAHAGIAN III

HAK BERHUBUNG DENGAN REKA BENTUK SUSUN ATUR DAN PELANGGARAN

9. Hak pemegang hak
10. Pelanggaran
11. Perbuatan yang bukan pelanggaran
12. Pelanggaran tidak salah
13. Tindakan atas pelanggaran

Seksyen

14. Had masa tindakan
15. Perintah bagi penyerahan
16. Perintah bagi pelupusan
17. Anggapan perlindungan dan pemegang hak
18. Keterangan afidavit

BAHAGIAN IV

URUSAN MENGENAI HAK REKA BENTUK SUSUN ATUR

19. Penyerahhakan dan pelesenan
20. Hak masa depan
21. Pemegang lesen eksklusif
22. Penjalanan hak bersama

BAHAGIAN V

PENGUNAAN BAGI MAKSUD BUKAN PERDAGANGAN AWAM
DAN PELESENAN WAJIB

23. Tafsiran Bahagian V
24. Penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam
25. Ruang lingkup dan jenis penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam
26. Kewajipan untuk memberitahu pemegang hak mengenai penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam
27. Pemegang hak berhak menerima saraan untuk penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam
28. Lesen wajib
29. Ruang lingkup dan jenis lesen wajib
30. Mahkamah Tinggi boleh menamatkan lesen wajib

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

31. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi
32. Peraturan-peraturan
33. Kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 601

AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU 2000

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan reka bentuk susun atur litar bersepadu di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

[15 Ogos 2000, P.U. (B) 263/2000]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bentuk material”, berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur, termasuklah apa-apa bentuk penyimpanan (sama ada ketara atau tidak) yang daripadanya reka bentuk susun atur itu, atau suatu bahagian substansial reka bentuk susun atur itu, dapat dihasilkan semula;

“lesen eksklusif” ertinya sesuatu lesen bertulis, yang ditandatangani oleh atau bagi pihak pemegang hak yang memberi kuasa pemegang lesen, sehingga mengetepikan semua orang lain termasuk orang

yang memberi lesen itu, untuk menggunakan sesuatu hak yang jika tidak kerana itu hanya boleh digunakan secara eksklusif oleh pemegang hak;

“lesen wajib” ertinya pemberian kuasa untuk melaksanakan di Malaysia, tanpa persetujuan pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung, mana-mana perbuatan yang disebut dalam seksyen 9;

“litar bersepadu” ertinya sesuatu keluaran, sama ada dalam bentuk akhirnya atau dalam bentuk perantaraan, yang dalamnya unsur-unsur, yang sekurang-kurangnya satu daripadanya merupakan unsur aktif, dan sebahagian atau semua saling hubungannya adalah dibentuk secara bersepadu dalam dan pada, atau dalam atau pada, sekeping bahan dan yang dimaksudkan untuk melaksanakan suatu fungsi elektronik;

“mengeksplotasikan secara perdagangan” termasuklah—

- (a) menjual, menyewakan atau mengagihkan selainnya secara perdagangan;
- (b) menawarkan atau mempamerkan untuk dijual atau disewa atau diagihkan selainnya secara perdagangan; dan
- (c) mengimport bagi maksud untuk menjual, menyewakan atau mengagihkan selainnya secara perdagangan;

“menghasilkan semula” ertinya perbuatan atau proses untuk membuat salinan reka bentuk susun atur, secara langsung atau tidak langsung, dalam bentuk material;

“negara yang layak” ertinya sesuatu negara atau wilayah yang menjadi Anggota Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia dan termasuklah sesuatu negara atau wilayah yang ditetapkan di bawah seksyen 4;

“orang yang layak” ertinya seseorang yang layak mendapat perlindungan Akta ini di bawah seksyen 6;

“pemegang hak” ertinya orang yang hendaklah dianggap sebagai orang yang mendapat manfaat daripada perlindungan yang disebut dalam seksyen 9;

“pencipta”, berhubung dengan reka bentuk bantuan komputer sesuatu reka bentuk susun atur, ertinya orang yang membuat perkiraan bagi penciptaan reka bentuk susun atur itu;

“Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia” ertinya Perjanjian Marrakesh yang Menubuhkan Pertubuhan Perdagangan Dunia yang dibuat di Marrakesh pada 15 April 1994;

“reka bentuk susun atur” ertinya susunan tiga dimensi, tidak kira bagaimana jua dinyatakan, unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagian atau semua saling hubungan litar bersepadu itu atau susunan tiga dimensi sedemikian yang disediakan bagi sesuatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk dikilang;

“reka bentuk susun atur terlindung” ertinya sesuatu reka bentuk susun atur yang dilindungi di bawah seksyen 5;

“tidak diberi kuasa”, berhubung dengan—

- (a) sesuatu salinan reka bentuk susun atur terlindung, ertinya salinan itu dibuat tanpa persetujuan pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung itu; dan
- (b) sesuatu litar bersepadu yang dalamnya digabungkan suatu reka bentuk susun atur terlindung, ertinya penggabungan itu dilakukan tanpa persetujuan pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung itu;

“tindakan” ertinya sesuatu prosiding sivil yang dimulakan dengan writ atau mengikut apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah dan termasuklah suatu tuntutan balas.

(2) Sesuatu reka bentuk susun atur hendaklah dianggap telah dieksploitasikan secara perdagangan jika reka bentuk susun atur itu, suatu salinan reka bentuk susun atur itu atau suatu litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur itu (sama ada atau tidak litar bersepadu itu terkandung dalam barang lain) telah dieksploitasikan secara perdagangan di Malaysia atau di tempat lain.

(3) Sesuatu sebutan mengenai pelakuan sesuatu perbuatan (selain mencipta) berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur termasuklah sebutan mengenai pelakuan perbuatan itu berhubung dengan suatu bahagian substansial reka bentuk susun atur itu.

(4) Sesuatu sebutan mengenai salinan sesuatu reka bentuk susun atur termasuklah sebutan mengenai salinan suatu bahagian substansial reka bentuk susun atur itu.

(5) Sesuatu sebutan mengenai sesuatu litar bersepadu yang dibuat mengikut suatu reka bentuk susun atur termasuklah sebutan mengenai litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur itu secara substansial.

Pemakaian

3. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi reka bentuk susun atur, sama ada dicipta sebelum atau selepas Akta ini mula berkuat kuasa, tetapi sesuatu tindakan di bawah Akta ini tidak boleh diambil berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa itu berhubung dengan reka bentuk susun atur itu, salinan reka bentuk susun atur itu atau litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh disifatkan menjejaskan apa-apa tindakan yang diambil di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berhubung dengan perlindungan hak harta intelektual yang belum selesai apabila Akta ini mula berkuat kuasa dan tindakan itu hendaklah diteruskan di bawah undang-undang bertulis yang terpakai sehingga tindakan itu dibereskan dengan muktamad.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai menghidupkan semula apa-apa perlindungan bagi sesuatu reka bentuk susun atur yang telah habis tempoh sebelum Akta ini mula berkuat kuasa.

(4) Akta ini tidak terpakai berhubung dengan apa-apa gagasan, tatacara, proses, sistem, kaedah pengendalian, konsep, prinsip atau penemuan, tidak kira bentuk gagasan, tatacara, proses, sistem, kaedah pengendalian, konsep, prinsip atau penemuan itu diperihalkan, dijelaskan, digambarkan atau dikandungkan dalam sesuatu reka bentuk susun atur.

Penetapan negara yang layak

4. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan sesuatu negara atau wilayah sebagai suatu negara yang layak jika Menteri berpendapat bahawa peruntukan telah atau akan dibuat di bawah undang-undang negara atau wilayah itu yang akan memberi pemegang hak perlindungan yang mencukupi di negara atau wilayah itu berkenaan dengan reka bentuk susun atur terlindung yang mengenainya pemegang hak mempunyai hak.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “pemegang hak” ertinya seseorang pemegang hak yang merupakan seseorang orang yang layak.

BAHAGIAN II

PERLINDUNGAN REKA BENTUK SUSUN ATUR

Reka bentuk susun atur terlindung

5. (1) Sesuatu reka bentuk susun atur adalah layak bagi perlindungan di bawah Akta ini jika reka bentuk susun atur itu adalah reka bentuk susun atur asli dan pemegang hak reka bentuk susun atur itu adalah, pada masa reka bentuk susun atur itu dicipta, seseorang orang yang layak.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu reka bentuk susun atur adalah asli jika—

- (a) reka bentuk susun atur itu ialah hasil usaha intelektual penciptanya sendiri dan bukan perkara biasa antara pencipta reka bentuk susun atur dan pengilang litar bersepadu pada masa penciptaannya; atau
- (b) berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur yang terdiri daripada gabungan unsur dan saling hubungan yang merupakan perkara biasa, gabungan itu, diambil secara keseluruhan, adalah hasil usaha intelektual penciptanya sendiri dan bukan perkara biasa antara pencipta reka bentuk susun atur dan pengilang litar bersepadu pada masa penciptaannya.

(3) Akta ini melindungi segala reka bentuk susun atur yang dicipta secara berasingan yang disebut dalam subseksyen (1) walaupun reka bentuk susun atur itu adalah serupa dan, tertakluk kepada seksyen 8, tidak kira bila reka bentuk susun atur itu dicipta.

(4) Sesuatu reka bentuk susun atur hendaklah disifatkan tidak dicipta sehingga reka bentuk susun atur itu telah ditetapkan dalam bentuk material atau digabungkan dalam suatu litar bersepadu, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Orang yang layak mendapat perlindungan

6. Perlindungan yang diberikan kepada reka bentuk susun atur di bawah Akta ini hendaklah tersedia bagi orang yang berikut:

- (a) seseorang orang sebenar yang—
 - (i) merupakan rakyat, atau berdomisil atau lazimnya bermastautin di, Malaysia atau di suatu negara yang layak; atau
 - (ii) mempunyai organisasi perindustrian atau perdagangan yang benar dan berkesan untuk mencipta reka bentuk susun atur atau untuk mengeluarkan litar bersepadu di Malaysia atau di suatu negara yang layak;
- (b) sesuatu entiti undang-undang yang—
 - (i) diperbadankan atau dibentuk di Malaysia atau di suatu negara yang layak; atau
 - (ii) mempunyai organisasi perindustrian atau perdagangan yang benar dan berkesan untuk mencipta reka bentuk susun atur atau untuk mengeluarkan litar bersepadu di Malaysia atau di suatu negara yang layak;
- (c) Kerajaan; dan
- (d) kerajaan sesuatu negara yang layak

Pemegang hak reka bentuk susun atur

7. (1) Tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang berlawanan, pemegang hak reka bentuk susun atur hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

- (a) jika reka bentuk susun atur itu tidak dicipta menurut sesuatu penugasan atau dalam menjalankan pekerjaan, pencipta reka bentuk susun atur itulah pemegang hak itu;
- (b) jika reka bentuk susun atur itu dicipta menurut sesuatu penugasan, orang yang menugaskan reka bentuk susun atur itulah pemegang hak itu; dan
- (c) jika reka bentuk susun atur itu dicipta oleh seseorang pekerja dalam menjalankan pekerjaannya, majikannyalah pemegang hak itu.

(2) Seseorang boleh menjadi pemegang hak walaupun orang itu berkongsi hak mengenai reka bentuk susun atur itu dengan seseorang yang bukan orang yang layak.

(3) Jika hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur dipegang oleh lebih daripada satu orang—

(a) sebutan dalam Akta ini mengenai pemegang hak ialah sebutan mengenai semua pemegang hak; dan

(b) apa-apa kehendak bagi persetujuan pemegang hak menghendaki persetujuan semua pemegang hak.

(4) Jika sesuatu reka bentuk susun atur dipunyai oleh lebih daripada satu orang dan orang itu termasuklah seseorang yang bukan pemegang hak mengikut pengertian Akta ini, perlindungan yang dinyatakan dalam Akta ini hendaklah hanya terpakai berhubung dengan bahagian reka bentuk susun atur yang dicipta oleh pemegang hak dan segala sebutan dalam Akta ini mengenai reka bentuk susun atur terlindung hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Tempoh perlindungan

8. (1) Sesuatu reka bentuk susun atur adalah terlindung di bawah Akta ini bagi tempoh selama sepuluh tahun dari tarikh reka bentuk susun atur itu mula-mula dieksploitasikan secara perdagangan di Malaysia atau di tempat lain.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), perlindungan yang diberikan kepada reka bentuk susun atur di bawah Akta ini hendaklah habis tempoh lima belas tahun selepas tarikh reka bentuk susun atur itu dicipta.

BAHAGIAN III

HAK BERHUBUNG DENGAN REKA BENTUK SUSUN ATUR DAN PELANGGARAN

Hak pemegang hak

9. Pemegang hak sesuatu reka bentuk susun atur terlindung hendaklah mempunyai hak yang berikut:

(a) hak untuk menghasilkan semula, dan untuk memberi kuasa penghasilan semula, keseluruhan atau suatu bahagian

substansial reka bentuk susun atur terlindungnya, sama ada dengan penggabungan ke dalam litar bersepadu atau selainnya; dan

- (b) hak untuk mengeksploitasikan secara perdagangan, dan untuk memberi kuasa pengeksploitasian secara perdagangan, reka bentuk susun atur terlindungnya, litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu atau barang yang mengandungi litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu.

Pelanggaran

10. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, adalah menjadi suatu pelanggaran hak seseorang pemegang hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung jika mana-mana orang melakukan atau menyebabkan mana-mana orang lain melakukan mana-mana perbuatan yang disebut dalam seksyen 9 tanpa persetujuan pemegang hak itu.

Perbuatan yang bukan pelanggaran

11. Tidaklah menjadi pelanggaran hak seseorang pemegang hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung—

- (a) jika penghasilan semula itu ialah penghasilan semula mana-mana bahagian reka bentuk susun atur terlindung yang tidak mematuhi kehendak keaslian yang disebut dalam subseksyen 5(1);
- (b) jika penghasilan semula itu dilakukan bagi maksud persendirian dan bukan bagi maksud pengeksploitasian secara perdagangan;
- (c) jika penghasilan semula itu dilakukan semata-mata bagi maksud penilaian, penganalisan, penyelidikan atau pengajaran;
- (d) untuk menggunakan hasil apa-apa penilaian, penganalisan atau penyelidikan yang dijalankan menurut perenggan (c) untuk mencipta reka bentuk susun atur yang berlainan yang mematuhi kehendak keaslian yang disebut dalam subseksyen 5(1);

- (e) untuk melakukan mana-mana perbuatan yang disebut dalam seksyen 9 berkenaan dengan reka bentuk susun atur yang berlainan yang disebut dalam perenggan (d);
- (f) bagi pemegang hak sesuatu reka bentuk susun atur terlindung yang lain—
 - (i) yang serupa dengan reka bentuk susun atur terlindung yang disebut terdahulu; dan
 - (ii) yang dicipta secara berasingan,untuk melakukan mana-mana perbuatan yang disebut dalam seksyen 9 berkenaan dengan reka bentuk susun atur yang lain itu; atau
- (g) untuk mengeksploitasikan secara perdagangan salinan reka bentuk susun atur terlindung itu, litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu atau barang yang mengandungi litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu selepas salinan, litar bersepadu atau barang itu telah dieksploitasikan secara perdagangan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, melalui atau dengan persetujuan pemegang hak itu.

Pelanggaran tidak salah

12. (1) Hak seseorang pemegang hak dalam reka bentuk susun atur terlindung tidak dilanggar oleh seseorang yang mengeksploitasikan secara perdagangan, atau memberi kuasa pengeksploitasian secara perdagangan—

- (a) salinan reka bentuk susun atur terlindung;
- (b) litar bersepadu yang tidak diberi kuasa, yang merupakan litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu; atau
- (c) barang yang mengandungi litar bersepadu yang tidak diberi kuasa yang disebut dalam perenggan (b),

jika, pada masa orang itu memperoleh salinan, litar bersepadu atau barang itu, orang itu tidak tahu, dan tidak dengan semunasabahnya dapat dijangkakan akan tahu, bahawa salinan itu tidak diberi kuasa, bahawa litar bersepadu itu tidak diberi kuasa atau bahawa barang itu mengandungi litar bersepadu yang tidak diberi kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) menyedari atau dengan semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyedari bahawa salinan itu tidak diberi kuasa, bahawa litar bersepadu itu tidak diberi kuasa atau bahawa barang itu mengandungi litar bersepadu yang tidak diberi kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, subseksyen (1) hendaklah terhenti terpakai bagi mana-mana pengeksploitasian secara perdagangan salinan, litar bersepadu atau barang itu selepas itu melainkan jika orang itu membayar kepada pemegang hak apa-apa saraan—

- (a) yang dipersetujui antara orang itu dengan pemegang hak itu;
- (b) yang ditentukan melalui kaedah yang dipersetujui antara orang itu dengan pemegang hak itu; atau
- (c) jika tidak ada persetujuan, yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi atas permohonan sama ada orang itu atau pemegang hak itu.

(3) Jika saraan yang disebut dalam subseksyen (2) ditentukan oleh Mahkamah Tinggi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan (2)(c), saraan yang kena dibayar hendaklah suatu saraan yang mencukupi mengikut hal keadaan kes, dengan mengambil kira apa-apa royalti yang dengan semunasabahnya kena dibayar di bawah sesuatu lesen yang dirundingkan secara bebas berkenaan dengan reka bentuk susun atur terlindung itu.

Tindakan atas pelanggaran

13. (1) Tertakluk kepada Akta ini, pemegang hak boleh membawa tindakan kerana pelanggaran haknya mengenai reka bentuk susun atur terlindung.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, relief yang boleh diberikan oleh Mahkamah Tinggi dalam tindakan di bawah subseksyen (1) termasuklah injunksi dan Mahkamah Tinggi boleh mengenakan apa-apa terma atas pemberian injunksi itu yang didapati patut oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Sebagai tambahan kepada injunksi yang diberikan di bawah subseksyen (2), Mahkamah Tinggi boleh, tertakluk kepada Akta ini, membuat suatu perintah bagi ganti rugi atau pemberian penyata mengenai keuntungan atau apa-apa relief lain yang didapati patut oleh Mahkamah Tinggi.

(4) Jika, dalam sesuatu tindakan kerana pelanggaran hak dalam reka bentuk susun atur terlindung, adalah dibuktikan bahawa suatu pelanggaran telah dilakukan tetapi bahawa pada masa pelanggaran itu defendan tidak menyedari atau tidak mempunyai apa-apa alasan munasabah untuk mengesyaki bahawa perbuatan yang merupakan pelanggaran itu ialah suatu pelanggaran, plaintif tidak berhak mendapat apa-apa ganti rugi daripada defendan berkenaan dengan pelanggaran itu tetapi hendaklah berhak mendapat penyata mengenai keuntungan berkenaan dengan pelanggaran itu, sama ada apa-apa relief lain diberikan atau tidak.

(5) Dalam mana-mana tindakan yang dalamnya ganti rugi mungkin diawardkan, Mahkamah Tinggi boleh, dengan mengambil kira segala hal keadaan kes itu termasuk perihal berterang-terangannya pelanggaran itu dan apa-apa manfaat yang ditunjukkan telah terakru kepada defendan oleh sebab pelanggaran itu, mengawardkan ganti rugi tambahan.

Had masa tindakan

14. (1) Sesuatu tindakan untuk menguatkuasakan hak seseorang pemegang hak mengenai reka bentuk susun atur terlindung di bawah Bahagian ini tidak boleh dibawa bagi pelanggaran hak itu atau mana-mana hak itu selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh pelanggaran itu berlaku.

(2) Sesuatu tindakan untuk mendapatkan penyata mengenai keuntungan berkenaan dengan pelanggaran hak seseorang pemegang hak mengenai reka bentuk susun atur terlindung di bawah Bahagian ini tidak boleh dibawa selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh pelanggaran itu berlaku.

Perintah bagi penyerahan

15. (1) Seseorang pemegang hak sesuatu reka bentuk susun atur terlindung boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan perintah supaya litar bersepadu atau barang dalam milik, jagaan atau kawalan mana-mana orang diserahkan kepada pemegang hak atau kepada mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi jika pemegang hak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa—

(a) litar bersepadu yang dalamnya digabungkan suatu reka bentuk susun atur terlindung akan dieksploitasikan secara perdagangan; atau

- (b) orang itu tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa barang itu telah atau akan terutamanya digunakan untuk membuat litar bersepadu yang dalamnya digabungkan suatu reka bentuk susun atur terlindung.

(2) Mahkamah Tinggi tidak boleh membuat perintah bagi penyerahan melainkan jika Mahkamah Tinggi juga membuat, atau ternyata kepada Mahkamah Tinggi bahawa terdapat alasan untuk membuat, suatu perintah di bawah seksyen 16.

(3) Seseorang yang kepadanya litar bersepadu atau barang yang disebut dalam subseksyen (1) diserahkan hendaklah, jika suatu perintah di bawah seksyen 16 tidak dibuat pada masa perintah di bawah seksyen ini dibuat, menyimpan litar bersepadu atau barang itu sementara menunggu perintah itu dibuat, atau keputusan untuk tidak membuat perintah itu, di bawah seksyen 16.

Perintah bagi pelupusan

16. (1) Seseorang pemegang hak sesuatu reka bentuk susun atur terlindung atau seseorang yang diperintahkan supaya menyerahkan litar bersepadu atau barang di bawah seksyen 15 boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan—

- (a) perintah bagi pelupusan; atau
- (b) keputusan bahawa tiada perintah bagi pelupusan dibuat.

(2) Sesuatu perintah bagi pelupusan boleh memerintahkan bahawa litar bersepadu atau barang yang diserahkan di bawah seksyen 15—

- (a) adalah terlucut hak kepada pemegang hak; atau
- (b) hendaklah dimusnahkan atau dilupuskan sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Dalam memutuskan perintah atau keputusan apa yang hendak dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah mengambil kira sama ada remedi lain yang tersedia bagi pemohon mencukupi untuk memampasi pemohon dan melindungi kepentingan pemohon.

(4) Mahkamah Tinggi hendaklah mengeluarkan arahan tentang penyampaian notis tentang permohonan di bawah seksyen ini kepada orang yang mempunyai kepentingan mengenai litar bersepadu atau barang yang diserahkan di bawah seksyen 15.

(5) Mana-mana orang yang mempunyai kepentingan mengenai litar bersepadu atau barang yang diserahkan di bawah seksyen 15 berhak—

- (a) hadir dalam prosiding di bawah seksyen ini, sama ada atau tidak notis disampaikan kepada orang itu; dan
- (b) merayu terhadap mana-mana perintah yang dibuat, sama ada atau tidak orang itu hadir dalam prosiding di bawah seksyen ini.

(6) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh mula berkuat kuasa sehingga akhir tempoh notis rayuan boleh diberikan atau, jika sebelum akhir tempoh itu notis rayuan telah diberikan dengan sewajarnya, sehingga penentuan muktamad atau peninggalan prosiding atas rayuan itu.

(7) Jika terdapat lebih daripada satu orang yang mempunyai kepentingan mengenai litar bersepadu atau barang yang diserahkan di bawah seksyen 15, Mahkamah Tinggi boleh mengarahkan supaya litar bersepadu atau barang itu dijual atau diuruskan mengikut apa-apa cara lain dan hasilnya dibahagikan dan hendaklah membuat apa-apa perintah lain yang didapatinya patut.

(8) Jika Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa tiada perintah patut dibuat di bawah seksyen ini, orang yang dalam milik, jagaan atau kawalannya litar bersepadu atau barang itu berada sebelum diserahkan di bawah seksyen 15 hendaklah berhak mendapatkannya balik dan Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan orang itu atau mana-mana orang yang terkilan dengan perintah bagi penyerahan yang dibuat di bawah seksyen 15, membuat perintah mengawardkan pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh sebab penyerahan itu.

(9) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyebabkan seseorang peguam bela dan peguam cara bertanggung untuk membayar pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan perbuatan yang dilakukan olehnya dalam tugas ikhtisasnya bagi pihak seseorang klien.

Anggapan perlindungan dan pemegang hak

17. Dalam mana-mana tindakan untuk menguatkuasakan hak seseorang pemegang hak di bawah Bahagian ini, hendaklah dianggap, melainkan jika defendan menjadikan perkara itu suatu persoalan, bahawa berkenaan dengan reka bentuk susun atur yang menjadi hal perkara tindakan itu—

- (a) reka bentuk susun atur itu adalah suatu reka bentuk susun atur terlindung; dan
- (b) plaintif adalah pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung itu.

Keterangan afidavit

18. (1) Dalam mana-mana tindakan untuk menguatkuasakan hak seseorang pemegang hak di bawah Bahagian ini, keterangan boleh dikemukakan melalui afidavit yang menegaskan fakta yang berkaitan untuk menunjukkan bahawa—

- (a) reka bentuk susun atur itu ialah suatu reka bentuk susun atur terlindung; dan
- (b) plaintif adalah pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung itu.

(2) Sesuatu afidavit di bawah subseksyen (1) boleh diangkat sumpah tentangnya oleh pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung atau oleh ejen diberi kuasanya bagi pihaknya.

(3) Seseorang yang bertindak sebagai ejen diberi kuasa seseorang pemegang hak bagi maksud subseksyen (1) hendaklah mengemukakan pemberian kuasa itu secara bertulis bersama dengan afidavitnya mengikut kaedah-kaedah mahkamah yang ditetapkan.

(4) Sesuatu afidavit di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai fakta yang terkandung dalam afidavit itu.

(5) Jika Mahkamah Tinggi mendapati, atas permohonan suci hati sesuatu pihak, bahawa deponen sesuatu afidavit patut diperiksa balas berkenaan dengan perkara yang diangkat sumpah dalam afidavit

itu, affidavit itu tidak boleh digunakan dalam tindakan itu melainkan jika deponen itu hadir sebagai saksi untuk pemeriksaan balas itu atau Mahkamah Tinggi yang di hadapannya prosiding sedang dijalankan, mengikut budi bicaranya, membenarkan affidavit itu digunakan tanpa deponen itu hadir sedemikian.

(6) Tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah Tinggi untuk mengawardkan kos, Mahkamah Tinggi boleh mengawardkan kos—

(a) terhadap plaintif—

(i) yang mengangkat sumpah tentang affidavit di bawah subseksyen (1) yang mengaibkan, tidak berkaitan atau selainnya bersifat menindas; atau

(ii) jika kemudiannya didapati bahawa—

(A) reka bentuk susun atur itu bukan suatu reka bentuk susun atur terlindung;

(B) plaintif bukan pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung; atau

(C) tidak ada pelanggaran hak plaintif sebagai pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung;

(b) terhadap defendan—

(i) yang memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya deponen sesuatu affidavit hadir bagi maksud pemeriksaan balas berkenaan dengan perkara yang diangkat sumpah tentangnya dalam affidavit itu; atau

(ii) yang kemudiannya didapati bersalah atas pelanggaran hak plaintif sebagai pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung.

(7) Dalam mengawardkan kos di bawah subseksyen (6), Mahkamah Tinggi hendaklah mengambil kira kos sebenar yang dilakukan oleh defendan atau plaintif, mengikut mana-mana yang berkenaan, akibat affidavit yang diangkat sumpah tentangnya oleh plaintif atau permohonan supaya seseorang deponen hadir dan Mahkamah Tinggi boleh mengawardkan kos di bawah subseksyen (6) melebihi had kos, jika ada, yang boleh diawardkan oleh Mahkamah Tinggi.

BAHAGIAN IV

URUSAN MENGENAI HAK REKA BENTUK SUSUN ATUR

Penyerahhakan dan pelesenan

19. (1) Hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung hendaklah menjadi harta alih dan hendaklah boleh dipindahkan dengan apa-apa cara yang melaluinya harta sedemikian boleh dipindahkan dengan sah termasuk melalui penyerahhakan, melalui pelesenan, melalui surat cara pewasiatan dan melalui penurunan dengan kuat kuasa undang-undang.

(2) Sesuatu penyerahhakan atau pemindahan lain boleh dibuat secara keseluruhan atau sebahagian.

(3) Sesuatu penyerahhakan atau pemindahan lain tidak boleh berkuat kuasa terhadap pihak ketiga melainkan jika—

- (a) penyerahhakan atau pemindahan lain itu bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak penyerah hak; dan
- (b) pihak ketiga itu mempunyai notis mengenai penyerahhakan atau pemindahan lain itu, sama ada sebenar atau konstruktif.

(4) Jika hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung dipegang oleh lebih daripada satu orang, sesuatu penyerahhakan atau lesen yang diberikan oleh seorang pemegang hak hendaklah berkuat kuasa seolah-olah penyerahhakan atau lesen itu juga diberikan oleh pemegang hak yang lain, dan tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara pemegang hak, fi yang diterima oleh mana-mana pemegang hak hendaklah dibahagikan sama rata antara semua pemegang hak.

(5) Sesuatu lesen yang diberikan berkenaan dengan sesuatu hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung oleh seseorang pemegang hak mengikat setiap pengganti dalam hakmilik kepada kepentingan mengenai hak pemegang hak itu sehingga takat yang sama seperti lesen itu mengikat pemegang hak itu, kecuali pembeli suci hati dengan nilai yang tidak mempunyai notis (sebenar atau konstruktif) mengenai lesen itu dan orang yang hakmiliknya terbit daripada pembeli itu.

Hak masa depan

20. (1) Jika melalui perjanjian yang dibuat berhubung dengan sesuatu hak masa depan mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung yang ditandatangani oleh atau bagi pihak orang yang sepatutnya menjadi pemegang hak apabila hak itu menjadi wujud orang itu berupa sebagai menyerahkan hak masa depan mengenai reka bentuk susun atur terlindung itu, secara keseluruhan atau sebahagiannya, kepada seseorang yang lain (dalam seksyen ini disebut “pemegang serah hak”), maka hak itu, apabila menjadi wujud, hendaklah terletak hak pada pemegang serah hak atau pengganti dalam hakmiliknya menurut kuasa subseksyen ini.

(2) Jika pada masa hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung menjadi wujud orang yang sepatutnya berhak kepada hak itu telah mati, hak itu hendaklah turun seolah-olah, sebaik sebelum kematian orang itu, orang itu ialah pemegang hak.

(3) Sesuatu lesen yang diberikan berkenaan dengan sesuatu hak masa depan mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung oleh bakal pemegang hak mengikat setiap pengganti dalam hakmiliknya bagi bakal kepentingan mengenai hak itu sehingga takat yang sama seperti lesen itu mengikat pemegang hak, kecuali pembeli suci hati dengan nilai yang tidak mempunyai notis (sebenar atau konstruktif) mengenai lesen itu dan orang yang hakmiliknya terbit daripada pembeli itu.

Pemegang lesen eksklusif

21. (1) Seseorang pemegang lesen eksklusif hendaklah mempunyai hak tindakan yang sama dan adalah berhak kepada remedi yang sama bagi pelanggaran hak itu terhadap pengganti dalam hakmilik pemegang hak sebagaimana yang dipunyai oleh orang itu atau yang dia berhak kepadanya terhadap pemegang hak.

(2) Seseorang pemegang lesen eksklusif hendaklah mempunyai, kecuali terhadap pemegang hak, hak tindakan yang sama dan adalah berhak kepada remedi yang sama berkenaan dengan perkara yang berlaku selepas pemberian lesen eksklusif itu seolah-olah lesen itu ialah suatu penyerahhakan.

(3) Hak dan remedi pemegang lesen eksklusif hendaklah bersama dengan hak dan remedi pemegang hak.

(4) Dalam sesuatu tindakan yang dibawa di bawah Bahagian III oleh pemegang lesen eksklusif menurut kuasa seksyen ini, pembelaan di bawah Akta ini yang tersedia bagi seseorang defendan dalam tindakan itu jika tindakan itu dibawa oleh pemegang hak hendaklah tersedia bagi defendan terhadap pemegang lesen eksklusif itu.

Penjalanan hak bersama

22. (1) Jika suatu tindakan bagi pelanggaran hak seseorang pemegang hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung dibawa oleh pemegang hak atau oleh pemegang lesen eksklusif di bawah Bahagian III dan tindakan itu berhubung, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan sesuatu pelanggaran yang berkenaan dengannya pemegang hak dan pemegang lesen eksklusif mempunyai hak tindakan bersama di bawah Bahagian itu, baik pemegang hak mahupun pemegang lesen eksklusif, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak berhak, kecuali dengan keizinan Mahkamah Tinggi, untuk meneruskan tindakan itu setakat yang tindakan itu berkaitan dengan pelanggaran itu melainkan jika pihak yang satu lagi sama ada disertakan sebagai plaintif dalam tindakan itu atau ditambahkan sebagai defendan.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi sesuatu permohonan oleh pemegang hak atau pemegang lesen eksklusif untuk mendapatkan relief interlokutori.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen 18(6) dan 18(7), pemegang hak atau pemegang lesen eksklusif yang ditambahkan sebagai defendan dalam sesuatu tindakan di bawah subseksyen (1) tidak bertanggung bagi apa-apa kos dalam tindakan itu melainkan jika pemegang hak atau pemegang lesen eksklusif itu memasukkan kehadiran dan mengambil bahagian dalam prosiding itu.

(4) Jika suatu tindakan bagi pelanggaran hak seseorang pemegang hak mengenai reka bentuk susun atur terlindung dibawa dan tindakan itu berkaitan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan sesuatu

pelanggaran yang berkenaan dengannya pemegang hak dan pemegang lesen eksklusif mempunyai hak tindakan bersama—

- (a) Mahkamah Tinggi hendaklah, dalam menaksirkan ganti rugi, mengambil kira terma lesen dan apa-apa remedi kewangan yang telah diawardkan sebelum itu atau yang tersedia bagi mana-mana daripada mereka berkenaan dengan pelanggaran itu;
- (b) Mahkamah Tinggi hendaklah, jika penyata mengenai keuntungan diarahkan supaya diambil berkenaan dengan pelanggaran itu dalam tindakan itu, mengumpulkan keuntungan itu antara mereka sebagaimana yang didapati adil oleh Mahkamah Tinggi dan hendaklah memberikan apa-apa arahan yang didapati patut oleh Mahkamah Tinggi untuk memberikan kesan kepada pengumpulan itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara mereka tentang pembahagian keuntungan itu;
- (c) Mahkamah Tinggi tidak boleh, jika penyata mengenai keuntungan telah diarahkan memihak kepada satu daripada pihak itu berkenaan dengan sesuatu pelanggaran, mengawardkan ganti rugi berkenaan dengan pelanggaran yang sama kepada pihak yang satu lagi; dan
- (d) Mahkamah Tinggi tidak boleh, jika suatu award ganti rugi telah dibuat atau suatu penyata mengenai keuntungan telah diarahkan memihak kepada satu daripada pihak itu berkenaan dengan sesuatu pelanggaran, mengarahkan supaya penyata mengenai keuntungan dibuat memihak kepada pihak yang satu lagi berkenaan dengan pelanggaran yang sama.

(5) Subseksyen (4) hendaklah terpakai sama ada atau tidak pemegang hak dan pemegang lesen eksklusif kedua-duanya merupakan pihak dalam tindakan itu.

(6) Seseorang pemegang hak hendaklah, melalui pos atau selainnya, memberitahu mana-mana pemegang lesen eksklusif yang mempunyai hak tindakan bersama berkenaan dengan pelanggaran hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung sebelum memohon untuk mendapatkan perintah bagi penyerahan di bawah seksyen 15, dan Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan pemegang lesen eksklusif, membuat perintah bagi penyerahan yang didapatinya adil dengan mengambil kira terma lesen itu.

BAHAGIAN V

PENGUNAAN BAGI MAKSUD BUKAN PERDAGANGAN
AWAM DAN PELESENAN WAJIB**Tafsiran Bahagian V**

23. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “maksud bukan perdagangan awam”, ertinya perbuatan yang dilakukan—

(a) bagi pertahanan atau keselamatan dalam negeri Malaysia; atau

(b) demi kepentingan awam.

(2) Jika suatu lesen eksklusif sedang berkuat kuasa berhubung dengan mana-mana hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur terlindung, peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai seolah-olah sebutan tentang pemegang hak bagi hak mengenai reka bentuk susun atur terlindung itu ialah sebutan tentang pemegang lesen eksklusif.

Penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam

24. (1) Sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh Kerajaan, atau oleh seseorang yang ditetapkan secara bertulis oleh Menteri, berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung tidaklah menjadi pelanggaran hak seseorang pemegang hak mengenai reka bentuk susun atur terlindung itu jika—

(a) perbuatan itu dilakukan untuk maksud bukan perdagangan awam; dan

(b) perbuatan itu diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.

(2) Sesuatu pemberian kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) boleh diberikan sebelum atau selepas perbuatan yang berkenaan dengannya pemberian kuasa itu diberikan dilakukan.

(3) Seseorang pemegang hak yang terkilan dengan keputusan Menteri di bawah subseksyen (1) boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(4) Keputusan Mahkamah Tinggi atas sesuatu rayuan di bawah subseksyen (3) hendaklah muktamad.

Ruang lingkup dan jenis penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam

25. (1) Pemberian kuasa untuk melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung di bawah seksyen 24—

- (a) hendaklah tidak eksklusif dan tidak boleh diserahkan, kedua-duanya;
- (b) hendaklah terhad kepada maksud bukan perdagangan awam yang baginya pemberian kuasa di bawah seksyen 24 diberikan;
- (c) hendaklah tertakluk kepada terma pemberian kuasa yang diberikan di bawah seksyen 24;
- (d) tidak membenarkan penjualan reka bentuk susun atur terlindung itu, salinan reka bentuk susun atur terlindung itu atau litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu (sama ada atau tidak litar bersepadu itu terkandung dalam barang yang lain) kepada orang awam; dan
- (e) hendaklah terhad kepada pelakuan perbuatan itu terutamanya di Malaysia.

(2) Sesuatu perbuatan yang dilakukan di bawah seksyen 24 berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung tidak boleh diambil kira dalam menghitung tempoh perlindungan reka bentuk susun atur yang disebut dalam seksyen 8.

Kewajipan untuk memberitahu pemegang hak mengenai penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam

26. (1) Jika sesuatu perbuatan dilakukan di bawah seksyen 24 berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung, Kerajaan atau orang yang ditetapkan secara bertulis oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

- (a) jika perbuatan itu telah dilakukan dalam keadaan darurat negara atau hal keadaan lain yang memerlukan tindakan

segera yang amat sangat, dengan secepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan, memberitahu pemegang hak bahawa perbuatan itu telah dilakukan; atau

- (b) dalam mana-mana hal lain, memberitahu pemegang hak dengan segera bahawa perbuatan itu telah dilakukan.

(2) Kerajaan atau orang yang ditetapkan secara bertulis oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberi pemegang hak apa-apa maklumat mengenai pelakuan perbuatan itu yang dikehendaki oleh pemegang hak itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) atau (2) boleh menghendaki Kerajaan atau orang yang ditetapkan secara bertulis oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya memberitahu pemegang hak atau supaya menzahirkan maklumat kepada pemegang hak jika penzahiran sedemikian akan atau dengan semunasabahnya dijangkakan mungkin menjejaskan pertahanan atau keselamatan Malaysia.

Pemegang hak berhak menerima saraan untuk penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam

27. (1) Jika sesuatu perbuatan dilakukan di bawah seksyen 24 berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung, Kerajaan atau orang yang ditetapkan secara bertulis oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah membayar kepada pemegang hak reka bentuk susun atur terlindung itu apa-apa saraan—

- (a) yang dipersetujui antara Kerajaan atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan pemegang hak itu;
- (b) yang ditentukan melalui kaedah yang dipersetujui antara Kerajaan atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan pemegang hak itu; atau
- (c) jika tidak ada persetujuan, yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi atas permohonan sama ada Kerajaan atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau pemegang hak itu.

(2) Jika saraan yang disebut dalam subseksyen (1) ditentukan oleh Mahkamah Tinggi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan (1)(c), saraan yang kena dibayar hendaklah suatu saraan yang mencukupi mengikut hal keadaan kes, dengan mengambil kira nilai ekonomi pemberian kuasa di bawah seksyen 24.

Lesen wajib

28. (1) Seseorang yang menuntut bahawa orang itu memerlukan lesen untuk melakukan mana-mana perbuatan yang disebut dalam seksyen 9 berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya diberi suatu lesen wajib atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) bahawa tidak ada pengeluaran reka bentuk susun atur terlindung itu, apa-apa litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu atau apa-apa barang yang mengandungi litar bersepadu sedemikian di Malaysia tanpa apa-apa sebab yang sah;
- (b) bahawa tidak ada pengeluaran reka bentuk susun atur terlindung itu, apa-apa litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu atau apa-apa barang yang mengandungi litar bersepadu sedemikian untuk dijual di Malaysia; atau
- (c) bahawa ada pengeluaran reka bentuk susun atur terlindung itu, litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu atau barang yang mengandungi litar bersepadu sedemikian di Malaysia tetapi reka bentuk susun atur terlindung itu, litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu atau barang yang mengandungi litar bersepadu sedemikian yang dikeluarkan dijual pada harga tinggi yang tidak berpatutan atau tidak memenuhi permintaan awam tanpa apa-apa sebab yang sah.

(2) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) hanya boleh dibuat selepas pemohon lesen wajib itu telah berusaha untuk memperoleh pemberian kuasa daripada pemegang hak atas terma dan syarat perdagangan yang berpatutan tetapi usaha itu tidak berjaya dalam tempoh masa yang munasabah.

(3) Jika Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa mana-mana alasan yang disebut dalam subseksyen (1) wujud, Mahkamah Tinggi boleh membuat perintah bagi pemberian lesen wajib mengikut permohonan itu atas apa-apa terma yang didapati patut oleh Mahkamah Tinggi.

(4) Mahkamah Tinggi hendaklah menetapkan dalam perintah itu saraan yang hendaklah dibayar kepada pemegang hak bagi lesen wajib itu sebagaimana yang didapati munasabah oleh Mahkamah Tinggi.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), saraan yang kena dibayar hendaklah suatu saraan yang mencukupi mengikut hal keadaan kes, dengan mengambil kira nilai ekonomi lesen wajib yang diberikan di bawah subseksyen (3).

Ruang lingkup dan jenis lesen wajib

29. (1) Lesen wajib yang diberikan di bawah seksyen 28 hendaklah—

- (a) tidak eksklusif dan tidak boleh diserahkan, kedua-duanya; dan
- (b) tertakluk kepada pembayaran kepada pemegang hak saraan yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 28(3).

(2) Sesuatu perbuatan yang dilakukan di bawah suatu lesen wajib yang diberikan di bawah seksyen 28 berhubung dengan sesuatu reka bentuk susun atur terlindung tidak boleh diambil kira dalam menghitung tempoh perlindungan reka bentuk susun atur yang disebut dalam seksyen 8.

Mahkamah Tinggi boleh menamatkan lesen wajib

30. Lesen wajib yang diberikan di bawah seksyen 28 boleh, atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan, ditamatkan oleh Mahkamah Tinggi jika Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa alasan yang berasaskannya lesen wajib itu diberikan tidak lagi wujud.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi

31. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan segala tindakan dan permohonan di bawah Akta ini dan kuasa untuk mengeluarkan apa-apa arahan atau membuat apa-apa perintah atau award berhubung dengan mana-mana tindakan atau permohonan sedemikian.

Peraturan-peraturan

32. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan borang yang dengannya notis hendaklah diberikan di bawah Akta ini dan menghendaki seseorang yang memberikan notis itu, sama ada pada masa memberikan notis itu atau pada bila-bila masa lain yang ditetapkan, atau pada kedua-dua masa itu, supaya mengemukakan keterangan dan mematuhi apa-apa syarat lain, jika ada, yang ditetapkan;
- (b) menetapkan fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara untuk memungut dan membelanjakan fi dan caj itu;
- (c) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dijangkakan oleh, atau yang perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbiran wajarnya.

Kecualian

33. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan mana-mana hak atau keistimewaan mana-mana orang, termasuk Kerajaan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, kecuali setakat yang undang-undang bertulis itu tidak selaras dengan Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan hak Kerajaan atau mana-mana orang yang hakmiliknya terbit daripada Kerajaan untuk menjual, menggunakan atau memperlakukan selainnya barang yang dilucuthakkan di bawah undang-undang berhubung dengan perkara-perkara kastam.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 601****AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR
LITAR BERSEPADU 2000****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

– TIADA –

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 601****AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR
LITAR BERSEPADU 2000****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

– TIADA –
